



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	4/12/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Paip air Loji Rawatan Air Bukit Remah ditukar

TANAH MERAH – Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) menukar paip air bersih di Loji Rawatan Air Bukit Remah di sini akibat hujan berterusan di beberapa kawasan yang menyebabkan berlaku mendapan tanah.

AKSB berkata, kerja pembaikan segera telah dilakukan, namun disebabkan kedudukan paip yang agak dalam iaitu hampir 25 kaki serta berlaku pergerakan pada tanah di lereng bukit, keadaan tersebut menyebabkan paip menjadi tidak stabil dan berisiko untuk kembali bocor.

“Atas faktor ini, alternatif penggantian paip ‘mild steel’ bersaiz 700 milimeter sepanjang 65 meter terpaksa dilakukan dengan kadar segera oleh kontraktor yang dilantik AKSB,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKSB berkata, jangkaan kerja-kerja pembaikan ini agak rumit dan memakan masa hampir empat hari bermula semalam hingga 6 Disember ini.

“Seramai 16,700 pemegang akaun yang terlibat menggunakan air bersih dari Loji Rawatan Air Bukit Remah,” katanya.